

# Walaupun tidak menguntungkan: PM Pusat ambil alih bekalan air

Oleh ZAMZAM OMAR

**PELABUHAN KLANG, Ahad** — Kerajaan Pusat akan mengkaji kemungkinan mengambil alih urusan bekalan air kerana ia adalah pelaburan untuk membangunkan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, sebelum ini pun, Kerajaan Pusat sudah cuba meminta supaya bekalan air diletakkan dalam pentadbirannya, tetapi sesetengah kerajaan negeri tidak menunjukkan minat.

"Pengurusan bekalan air tidak menguntungkan tetapi sebagai kemudahan asas, ia perlu dibekalkan dan bekalannya pula harus mencukupi," katanya kepada pemberita selepas melawat Pertunjukan Bot Malaysia Pertama di Kelab Pelayaran Diraja Selangor, di sini hari ini.

Berikutan itu, katanya, beberapa negeri terpaksa membuat pinjaman yang banyak bagi mendapatkan air sebagai pelaburan asas dan tidak mungkin mereka dapat membayar balik.

Ditanya mengenai kemungkinan penyulingan air laut bagi menampung kekurangan bekalan air di sesetengah negeri seperti Melaka dan Selangor ketika ini, beliau berkata:

"Proses menyuling air laut amat mahal, lagi pun langkah itu tidak perlu. Sebenarnya yang menjadi masalah ialah bekalan air dikuasai oleh kerajaan negeri.

"Sesetengah negeri ada banyak air tetapi saiz penduduknya kecil, sementara ada negeri mempunyai bekalan air terhad tetapi menampung penduduk yang ramai."

Perdana Menteri berkata, disebabkan keadaan itu, sukar bagi Kerajaan Pusat membantu membekalkan air kepada negeri yang mempunyai bekalan terhad.

"Kita sentiasa cuba meningkatkan infrastruktur seperti bekalan air, kerana pelaburan yang begitu banyak menyebabkan keperluan kemudahan asas itu semakin meningkat.

"Tetapi kita memerlukan wang yang cukup dan ini yang menjadi masalah, sama ada kita boleh menyediakan bekalan atau tidak.

"Jika kita menumpukan kepada bekalan air, mungkin keperluan lain terpaksa diketepikan. Untuk itu, kita kena buat pilihan bagi menentukan keutamaan keperluan," katanya.

Tegasnya, pada masa ini masalah kekurangan bekalan air di beberapa negeri belum menjejaskan kemasukan pelaburan asing.

Bekalan air masih mencukupi bagi menampung keperluan pelabur tetapi untuk jangka masa panjang, kerajaan perlu membuat persiapan rapi, katanya.

Mengenai Empangan Durian Tunggal yang kering secara mengejut, Perdana Menteri berkata, laporan mengenainya sudah diterima dan kerajaan akan membuat keputusan dalam mesyuarat Kabinet, Rabu ini, sama ada ia akan diumumkan kepada orang ramai.

Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik, baru-baru ini berkata, siasatan yang dijalankan mendapati beberapa faktor yang 'memeranjat dan tidak diduga' menyebabkan empangan itu kering.

Beliau bagaimanapun, tidak mengulas lanjut mengenai faktor yang 'tidak diduga' itu, tetapi tidak menolak empangan itu disabotaj.